

Oleh Presiden  
**Henry B. Eyring**  
Penasihat Pertama dalam  
Presidensi Utama



# Keluarga dan Sahabat yang Kekal

**D**i mana pun anda tinggal, anda ada sahabat yang mencarikan kegembiraan yang lebih besar yang sudah anda dapat dengan mematuhi injil Yesus Kristus yang sudah dipulihkan. Mereka mungkin tidak dapat menghuraikan kegembiraan itu dengan perkataan, tetapi mereka boleh mengenalinya bila mereka ternampak kegembiraan itu dalam hidup anda. Mereka akan ingin belajar tentang sumber kegembiraan itu, terutamanya bila mereka lihat anda juga mengalami cubaan seperti mereka.

Anda sudah merasa kegembiraan bila anda mematuhi perintah-perintah Tuhan. Itu hasil yang sudah dijanjikan dari mematuhi injil (lihat Mosia 2:41). Anda tidak mematuhi perintah-perintah Tuhan dengan beriman kerana anda ingin orang lain melihat anda, tetapi mereka yang memerhati kegembiraan anda sedang disediakan oleh Tuhan untuk mendengar berita baik injil Pemulihan.

Berkat-berkat yang sudah anda terima menciptakan obligasi dan peluang yang agung bagi anda. Kerana anda seorang pengikut yang sudah buat perjanjian dengan Yesus Kristus, anda mempunyai kewajiban untuk memberikan peluang kepada orang lain untuk mencarikan kegembiraan yang lebih besar, terutamanya sahabat dan ahli keluarga anda.

Tuhan nampak peluang anda dan menghuraikan obligasi anda dengan perintah ini: “Adalah sepatutnya bagi setiap orang yang telah diperingatkan untuk memperingatkan sesamanya” (A&P 88:81).

Tuhan buat perintah itu lebih senang dipatuhi melalui perubahan yang terjadi dalam hati anda bila anda menerima dan mematuhi injil Yesus Kristus. Sebagai hasilnya, kasih sayang anda terhadap orang lain menambah, dan anda juga ingin mereka memiliki kegembiraan yang sudah anda alami.

Satu contoh perubahan itu adalah anda akan menyambut peluang untuk menolong dalam kerja mubaligh Tuhan. Para mubaligh sepenuh masa akan belajar bahawa mereka boleh mengharapkan balasan baik dari seorang penganut baru bila mereka mintakan rujukan. Para penganut baru inginkan sahabat dan ahli keluarga mereka untuk mengongsikan kegembiraan mereka.

Bila pemimpin misi bahagian anda atau para mubaligh mintakan nama orang yang boleh mereka ajar, itu ialah satu pujian bagi anda. Mereka tahu sahabat anda sudah nampak kegembiraan anda, jadi, mereka sudah disediakan untuk mendengar dan menerima injil. Dan mereka berkeyakinan bahawa andalah sahabat yang mereka perlu bila mereka datang ke kerajaan Tuhan.

Anda tidak harus takut bahawa anda akan hilangkan sahabat anda dengan menjemput mereka bertemu dengan para mubaligh. Saya ada sahabat yang menolak para mubaligh tetapi mengucapkan terima kasih kepada saya kerana saya ingin memberi mereka sesuatu yang mereka tahu sangat berharga bagi saya. Anda boleh mendapat sahabat yang kekal dengan mengongsikan injil, yang dapat mereka lihat sudah membawakan anda kegembiraan. Jangan lepaskan peluang untuk menjemput seorang sahabat dan terutamanya seorang ahli keluarga untuk memilih untuk mengikut rancangan kegembiraan.

Peluang yang terbesar demi jempunan itu boleh didapati dalam bait-bait suci Gereja. Di situ Tuhan boleh kurniakan tatacara penyelamatan kepada nenek moyang kita yang tidak dapat terima tatacara itu bila mereka masih hidup. Mereka memandang anda dari dunia roh dengan kasih sayang dan harapan. Tuhan sudah janji bahawa mereka akan berpeluang untuk datang ke kerajaan-Nya (lihat A&P 137:7–8), dan Dia sudah tumbuh dalam hati anda kasih sayang terhadap mereka.

Kebanyakan anda sudah berasa kebahagiaan bila menjalankan tatacara bait suci bagi orang lain, seperti bila anda berikan nama kepada para mubaligh. Anda juga sudah berasa kebahagiaan yang lebih besar dari melakukan tatacara bagi nenek moyang anda. Wahyu diberikan kepada Nabi Joseph Smith bahawa kegembiraan abadi kita mungkin dicapai jika kita berikan jalan terhadap berkat itu kepada nenek moyang kita melalui tatacara bait suci secara wakilan (lihat A&P 128:18).

Masa Krisma ialah satu waktu untuk merenung tentang Juruselamat dan kebahagiaan yang datang dari injil-Nya. Cara yang paling baik untuk menunjukkan kesyukuran kita kepada Dia adalah bila kita bawakan kebahagiaan itu kepada orang lain. Kesyukuran menjadi kebahagiaan bila kita berikan nama kepada para mubaligh dan bila kita bawakan nama nenek moyang kita ke bait suci. Bukti kesyukuran itu membolehkan sahabat dan keluarga bertahan selama-lamanya.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Eyring menjelaskan bahawa kita boleh menunjukkan kesyukuran terhadap Juruselamat dengan mengongsikan injil bersama orang lain. Anda boleh

berbincang bersama orang yang anda ajar bagaimana kurnia injil sudah memberkat hidup mereka. Bertimbang untuk menjemput mereka untuk mengidentifikasi orang yang mereka ingin mengongsikan kurnia ini dan cara mereka untuk berbuat demikian.

## KANAK-KANAK

### Kongsikan Kesaksian Anda

**A**nda boleh kongsikan kurnia injil pada musim Krismas ini dengan memberikan satu salinan Kitab Mormon kepada seorang sahabat atau jiran dan tuliskan kesaksian anda dalam buku itu.

1. Pada sekeping kertas, ukur satu segiempat agak-agak 11.5 x 16.5 cm dan minta seorang dewasa untuk menguntingkan segiempat itu.
2. Tambahkan satu gambar anda—sama ada satu lukisan atau foto—pada bahagian atas muka surat itu.
3. Tuliskan kesaksian anda di bawah gambar itu.
4. Minta seorang dewasa menolong anda untuk melekatkan kertas itu di sebalik muka depan Kitab Mormon.

## REMAJA

### Bolehkan Saya Kongsikan satu Kitab Mormon?

Oleh Josh Arnett

**S**emasa tahun pertama sekolah menengah, guru seminari saya menjemput kelas saya untuk memberikan satu salinan Kitab Mormon kepada rakan-rakan yang bukan ahli Gereja. Walaupun saya sangat malu, saya terima jempunan itu.

Selepas beberapa hari saya baru cukup berani untuk memberikan rakan saya Britny buku itu semasa makan petang dan saya berikan satu kesaksian yang ringkas. Britny mengucap terima kasih kepada saya.

Pada hujung tahun itu, Britny pun pindah, tetapi kami masih terus berkomunikasi. Dia beritahu saya tentang sekolah barunya dan hampir semua rakan-rakannya ialah ahli Gereja, tetapi dia tidak bincangkan perkara rohani bersama saya.

Itu berubah sebelum saya pergi melayan misi. Saya menerima satu mesej dari Britny beritahu saya tentang berita besarnya: dia akan dibaptis, dan dia hendak mengucapkan terima kasih kepada saya ke atas kesahabatan kami dan menjadi satu teladan bagi dia.

Tuhan mengarahkan seorang budak yang malu yang berumur 15 tahun tanpa sebarang pengalaman mubaligh untuk mengongsikan injil dengan seorang yang dia

tahu akan menerima injil. Saya tahu bahawa dengan mematuhi Roh, kita semua boleh mencari orang di sekeliling kita yang sedang menunggu untuk belajar tentang injil yang sudah dipulihkan. Saya tahu bahawa jika kita hanya bawakan meskipun satu orang kepada Tuhan, "betapa akan besar sukacita [kita] bersamanya di dalam kerajaan Bapa [kita]!" (A&P 18:15).

*Pengarang ini meninggal di Washington, USA.*



Iman, Keluarga, Pertolongan

# Misi Ilahi Yesus Kristus: Putera Tunggal

*Kajikan bahan bacaan ini dengan berdoa dan carikan perkara yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan misi Juruselamat boleh meningkatkan iman kepada Dia dan boleh memberkat mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

*Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.*

Juruselamat kita, Yesus Kristus, dipanggil Putera Tunggal kerana hanya Dialah sahaja pada bumi ini dilahir dari seorang ibu yang fana dan dari seorang Bapa yang baqa. Dia sudah mewarisi kuasa ilahi dari Tuhan, Bapa-Nya. Dari ibu-Nya, Maria, Dia sudah mewarisi kefanaan dan dia sudah menahan kelaparan, kedahagaan, keletihan, kesakitan, dan kematian.<sup>1</sup>

Kerana Yesus Kristus adalah Putera Tunggal Bapa, Dia bermampu untuk mati dan bangkit semula lagi. Ayat-ayat suci ajar bahawa “melalui penebusan Kristus,” kita “boleh mendapatkan kebangkitan” (Yakub 4:11). Kita juga belajar bahawa semua “boleh dibangkitkan dalam kebaqaan pada kehidupan kekal” jika kita “akan percaya” (A&P 29:43).

Bila kita lebih memahami erti Yesus ialah Putera Tunggal Bapa, iman kita kepada Kristus akan bertambah. Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua

Belas Rasul berkata, “Iman kepada Yesus Kristus ialah kepercayaan yang kukuh dan kepastian tentang (1) tarafnya sebagai Putera Tunggal Tuhan, (2) Penebusan-Nya yang tidak terhingga, dan (3) Kebangkitan-Nya.”<sup>2</sup> Para nabi hari ini sudah bersaksi: [Yesus Kristus] ialah . . . Putera Tunggal dalam daging, Penebus dunia ini.”<sup>3</sup>

## **Dari Tulisan Suci**

Yohanes 3:16; Ajaran dan Perjanjian 20:21–24; Musa 5:6–9

## **Dari Sejarah Kita**

Dalam Perjanjian Baru kita baca tentang para wanita, adanya nama yang kita kenali, dan adanya kita tidak kenali, yang beriman kepada Yesus Kristus, yang belajar tentang ajaran-Nya dan mematuhi ajaran-Nya, dan bersaksi tentang pelayanan, mukjizat, dan keagungan-Nya. Para wanita ini menjadi teladan pengikut dan saksi yang penting dalam kerja penyelamatan.

Sebagai contoh, Marta memberi kesaksian yang kukuh tentang ketuhanan Juruselamat bila dia berucap

kepada Juruselamat, “aku percaya bahawa Tuhan Anak Bapa, dan yang dijanjikan untuk datang ke dunia ini” (Yohanes 11:27).

Ibu-Nya, dan sepupu ibu-Nya Elisabet ialah saksi awal ketuhanan Juruselamat. Selepas malaikat Gabriel mengunjung Maria, Maria pergi mengunjung Elisabet. Bila Elisabet terdengar salam Maria, dia “dikuasai oleh Roh Tuhan” (Lukas 1:41) dan memberi kesaksian bahawa Maria akan menjadi ibu Putera Tuhan.

## **NOTA**

1. Lihat *Gospel Principles* (2009), 52–53.
2. D. Todd Christofferson, “Building Faith in Christ,” *Liahona*, Sept. 2012, 13.
3. “The Living Christ: The Testimony of the Apostles,” *Liahona*, Apr. 2000, 2–3.

## **Apa yang Dapat Saya Lakukan?**

1. Mengapa adalah penting bagi saya untuk memahami peranan-peranan Yesus Kristus?
2. Bagaimana perjanjian-perjanjian boleh meningkat iman kita kepada Juruselamat?